



GARIS PANDUAN DAN PROSIDUR BAGI TUNTUTAN POTONGAN PENGGALAKAN EKSPORT

1. PENGENALAN

Insentif ini diperuntukkan kepada syarikat perkilangan, perdagangan dan pertanian yang bermastautin yang telah melakukan perbelanjaan terutamanya dan khususnya bagi maksud mencari peluang atau mewujudkan atau meningkatkan permintaan bagi eksport barangan atau keluaran pertanian yang dikilang atau dikeluarkan di Malaysia. Pemastautinan syarikat ditentukan menurut peruntukan seksyen 8 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

2. JENIS-JENIS POTONGAN

(i) **Potongan tambahan bagi penggalakan eksport**

Potongan tambahan diberi kepada perbelanjaan yang bersifat hasil dan dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP 1967. Perbelanjaan yang layak bagi potongan tambahan diperuntukkan di bawah:

- (a) Seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan (APP) 1986; dan
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) 2002 [P.U. (A) 115/2002].

Sila rujuk perenggan 3 untuk maklumat lanjut.

(ii) **Potongan tambahan bagi fi profesional untuk reka bentuk bungkusan.**

Fi profesional yang dibayar kepada syarikat tempatan bagi reka bentuk bungkusan juga layak diberi potongan tambahan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport)(Pindaan)2001 [P.U. (A) 170/2001]. Garis panduan dan borang tuntutan disediakan berasingan dan berkuatkuasa dari 1 Januari 2001.

(iii) **Potongan sekali bagi penggalakan eksport**

Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2002, perbelanjaan ke atas pendaftaran paten, cap dagangan dan perlesenan barangan di luar negeri dan penginapan hotel dan makanan bagi pengimport berpotensi adalah layak untuk potongan sekali masing-masing di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No.2) 2002 [P.U.(A)116/2002] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No. 3) 2002 [P.U.(A) 117/2002].

Sila rujuk perenggan 4 untuk maklumat lanjut.

3. JENIS-JENIS PERBELANJAAN YANG LAYAK UNTUK POTONGAN TAMBAHAN BAGI PENGGALAKAN EKSPORT

Perbelanjaan seperti berikut disenaraikan sebagai perbelanjaan yang layak bagi penggalakan eksport di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) 1986.

(i) Publisiti dan pengiklanan

- (a) Kos pengiklanan dalam apa-apa media di luar Malaysia. Contoh: televisyen, radio, surat khabar, majalah perdagangan atau am, panduan perdagangan dan buku panduan; dan
- (b) Kos brosur dan risalah yang dicetak di Malaysia atau di luar Malaysia bagi pendedaran luar negeri.

(ii) Penyediaan contoh/sampel

Kos bagi contoh/sampel percuma yang disediakan dalam negeri untuk pendedaran kepada bakal pelanggan di luar Malaysia seperti kos bahan, bayaran penghantaran, pengangkutan, bayaran pos, insurans, pembungkusan, duti import dan cukai yang dibayar kepada negara yang dituju.

(iii) Penyelidikan pasaran eksport / Maklumat pasaran eksport

- (a) Perbelanjaan yang dilakukan untuk melantik konsultan pemasaran bagi menjalankan penyelidikan pasaran dan pengujian keluaran di luar negeri jika berkaitan dengan pasaran eksport;
- (b) Kos memperolehi laporan kewangan dan status bakal pembeli ;
- (c) Kos memperolehi contoh/sampel dari luar negeri yang dibawa balik ke Malaysia bagi tujuan pembelajaran dan pengubahsuaian bagi tujuan membangunkan keluaran yang dieksport; dan

- (d) Kos memperolehi maklumat pasaran eksport sekunder seperti laporan kajian pasaran, panduan untuk pengilang, panduan untuk pengimport dan penerbitan statistik.

Perbelanjaan di atas hendaklah tidak termasuk tambang kapal terbang, penginapan dan makanan.

(iv) **Tender bagi pembekalan barangan**

- (a) Perbelanjaan berhubung dengan pembelian dokumen tender seperti kos tender, pengangkutan dan insurans;
- (b) Perbelanjaan bagi penyediaan contoh/sampel mengikut spesifikasi tender yang dikemukakan bersama dokumen tender seperti kos bahan dan upah; dan
- (c) Kos penghantaran dokumen tender dan contoh ke tempat tujuan di luar negara seperti kos penghantaran, pengangkutan, bayaran pos, insurans, pembungkusan dan fi pelepasan.

(v) **Perundingan atau menandatangani kontrak**

- (a) Tambang kapal terbang untuk wakil syarikat (kelas ekonomi). Wakil syarikat maksudnya pengarah atau pekerja syarikat;
- (b) Tambang darat (luar negeri); dan
- (c) Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM 200 sehari. Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2002, amaun tersebut telah dinaikkan kepada :
 - Hotel - maksimum RM 300 sehari; dan
 - Makanan - maksimum RM 150 sehari.

(vi) **Penyertaan dalam pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri yang diluluskan**

- (a) Tambang kapal terbang untuk wakil syarikat (kelas ekonomi). Wakil syarikat maksudnya pengarah atau pekerja syarikat;
- (b) Tambang darat (luar negeri); dan
- (c) Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM 200 sehari.

Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2002, amaun tersebut telah dinaikkan kepada :

- Hotel - maksimum RM 300 sehari; dan
- Makanan - maksimum RM 150 sehari.

Penyertaan dalam setiap pasaria atau pameran perdagangan/industri hendaklah diluluskan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

(vii) **Penyediaan barang-barang pameran dalam penyertaan pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri yang diluluskan**

Kos pengangkutan barang-barang pameran seperti pembungkusan, insurans, pengangkutan, kos penghantaran dan fi pelepasan dari Malaysia ke negara yang dituju dan balik.

(viii) **Perbelanjaan langsung yang dilakukan dalam penyertaan pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri yang diluluskan selain daripada perbelanjaan yang dinyatakan di bawah (vi) and (vii)**

- (a) Amaun dibayar kepada individu yang digaji bagi tujuan mengendalikan gerai pameran seperti pengawal keselamatan, penterjemah, penyambut tetamu dan pembantu gerai;
- (b) Kos utiliti seperti air, elektrik dan gas yang dilakukan semasa pasaria atau pameran perdagangan;
- (c) Kos sewa, reka bentuk dan pembinaan gerai, perkhidmatan profesional untuk susun atur pameran, sewa perabot dan lekatan untuk gerai pameran dan kos membuka gerai pameran selepas tamat pameran tidak termasuk kos yang melibatkan struktur tetap;
- (d) Kos publisiti dan pengiklanan dan kos cendermata yang diberi semasa pasaria atau pameran perdagangan/industri seperti lencana, beg plastik dan penanda buku; dan
- (e) Kos komunikasi seperti bayaran pos, telefon, e-mel dan faksimili yang dilakukan semasa pasaria atau pameran perdagangan/industri.

(ix) **Penyediaan maklumat teknikal**

- (a) Kos bahan, upah dan fi perundingan yang dilakukan dalam penyediaan dokumen teknikal; dan

(b) Kos penghantaran dokumen.

(x) **Perhubungan awam**

Kos perkhidmatan agensi perhubungan awam atau perunding di luar Malaysia untuk mempertingkatkan atau mempromosikan imej syarikat berhubung dengan eksport.

(xi) **Penyelenggaraan pejabat jualan di luar negeri**

(a) Sewa ruang pejabat;

(b) Penjagaan dan pembaikan pejabat;

(c) Gaji pekerja yang mengendalikan pejabat jualan; dan

(d) Perbelanjaan dilakukan oleh pekerja di pejabat jualan luar negeri untuk perjalanan luar bagi promosi jualan seperti:

- Tambang kapal terbang (kelas ekonomi)
- Pengangkutan darat;
- Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM 200 sehari. Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2002, amaun tersebut telah dinaikkan kepada :
 - Hotel - maksimum RM 300 sehari; dan
 - Makanan - maksimum RM 150 sehari.

Sebagai usaha berterusan untuk menggalakkan produk atau keluaran Malaysia dalam pasaran antarabangsa, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2002, perbelanjaan berikut [perkara (xii) - (xiv)] telah dimasukkan sebagai perbelanjaan yang layak bagi penggalakan eksport di bawah P.U.(A) 115/2002.

(xii) **Penyertaan dalam portal perdagangan**

(a) pembaharuan bayaran keahlian portal perdagangan. (Bayaran pendaftaran permulaan atau bayaran sekali seperti bayaran;

langganan atau keahlian dengan portal perdagangan bukannya perbelanjaan yang dibenarkan);

- (b) Kos pengiklanan (sepanduk/butang pengiklanan, rangkaian/bahagian tajaan);
- (c) Fi perundingan yang dibayar bagi membangunkan laman web;
- (d) Kos pembangunan web (muka surat laman web, reka bentuk/paparan kreatif);
- (e) Kos perkhidmatan web (pendaftaran nama utama, pendaftaran e-mel, perkhidmatan penghosan web, penyewaan *server*, pengwujudan dan penghosan mel web);
- (f) Kos perkhidmatan pemasaran internet (pasaran e-mel dan penghantaran enjin carian); dan
- (g) Fi tahunan/penyelenggaraan bagi terus menyelenggara laman web oleh pembekal perkhidmatan termasuk caj penghosan, e-mel utama dan perkhidmatan e-mel.

Penyertaan dalam setiap portal perdagangan hendaklah ditentusahkan oleh MATRADE.

(xiii) **Pertunjukan perdagangan maya**

- (a) Kos membangunkan ruang maya seperti susunan dan paparan muka surat, katalog produk, imbasan reka bentuk, pameran produk 3D, animasi multimedia, reka bentuk kreatif untuk pencontoh;
- (b) Kos pengiklanan dalam pertunjukan perdagangan maya seperti (sepanduk/butang pengiklanan dan rangkaian tajaan);
- (c) Bahan promosi berkaitan dengan pertunjukan perdagangan maya seperti brosur/risalah;
- (d) Kos persidangan maya/kemudahan *teleconferencing*;
- (e) Kos pertanyaan niaga dalam talian mengenai perdagangan dalam ruang maya atau pertunjukan perdagangan maya; dan
- (f) Lain-lain perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi penyertaan dalam pertunjukan perdagangan maya.

Penyertaan dalam setiap pertunjukan perdagangan maya hendaklah ditentusahkan oleh MATRADE.

(xiv) **Kos menyelenggara gudang di luar negeri**

- (a) Sewa gudang;
- (b) Penjagaan dan pembaikan gudang;
- (c) Gaji pekerja yang mengendalikan gudang; dan
- (d) Lain-lain perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi menyelenggara gudang.

4. JENIS-JENIS PERBELANJAAN YANG LAYAK UNTUK POTONGAN SEKALI BAGI PENGGALAKAN EKSPORT

Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2002, beberapa jenis perbelanjaan yang dilakukan bagi membangunkan pasaran luar negeri layak bagi potongan sekali di bawah P.U.(A) 116/2002. Perbelanjaan yang layak adalah seperti berikut:

(i) **Pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barangan di luar negeri**

- (a) bayaran pendaftaran; dan
- (b) lain-lain perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barangan di luar negeri seperti duti setem, bayaran guaman dan fi perundingan.

(ii) **Layanan kepada pengimport berpotensi**

Potongan sekali bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pengimport berpotensi yang dijemput ke Malaysia susulan kepada misi perdagangan atau pelaburan yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan atau persatuan perindustrian/perdagangan yang ditentusahkan oleh MATRADE. Lawatan oleh pengimport berpotensi mestilah dalam tempoh 12 bulan selepas misi ke luar negeri.

Perbelanjaan yang layak ialah penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan tertakluk kepada:

- Maksimum 3 malam penginapan hotel terhad kepada RM 300 setiap malam; dan
- Maksimum 3 hari makanan terhad kepada RM 150 sehari.

5. PERUNTUKAN KHAS BAGI SYARIKAT PERINTIS

- Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) 1986; dan
- Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport)(Pindaan) 2001

Syarikat perintis juga layak bagi potongan tersebut. Walau bagaimanapun, amaun perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan tambahan di bawah Kaedah-Kaedah ini dalam tempoh perintis akan dikumpul dan ditolak daripada pendapatan larasan perniagaan selepas perintis sebaik berakhirnya tempoh pengecualian.

6. SEKATAN TERHADAP POTONGAN BAGI BEBERAPA JENIS PERBELANJAAN

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, walau bagaimanapun, mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan apa-apa amaun belanja pasti dan perbelanjaan yang mana pada pendapatnya, adalah berlebihan dari apa yang dijangkakan manasabah untuk dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan.

7. PROSIDUR TUNTUTAN

- (i) Tuntutan bagi potongan ini dibuat dengan memenuhkan dua (2) salinan borang yang ditetapkan masing-masing seperti berikut:
 - (a) LHDN/BT/DD/POE/2003 - Potongan tambahan bagi penggalakan eksport
 - (b) LHDB/BT/DD/PD/2002 - Potongan tambahan bagi fi professional untuk reka bentuk bungkusan
 - (c) LHDN/BT/SD/POE/2003 - Potongan sekali bagi penggalakan eksport
- (ii) Salinan asal borang yang ditetapkan yang telah dipenuhi bersama-sama dokumen sokongan hendaklah disimpan oleh syarikat bagi tujuan audit.
- (iii) Salinan pendua [tanpa apa-apa dokumen sokongan] dikemukakan kepada:

Bahagian Teknikal,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tingkat 12, Blok 9,
Kompleks Bangunan Kerajaan,
50600 Jalan Duta,
Kuala Lumpur.